

EK

KITA MAHU DAGANGAN ADIL, BUKAN BANTUAN KATA PM

KUALA LUMPUR, 24 APRIL (BE BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI DENGAN TEGASNYA MENKRITIK DASAR-DASAR DAGANGAN DAN KEWANGAN NEGARA-NEGARA PERUSAHAAN KAYA YANG TIDAK ADIL YANG MANA MENJADIKAN NEGARA-NEGARA MISKIN SEPERTI MALAYSIA DALAM KESUSAHAN.

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM PENURUNAN NILAI AS BAGI MENGIMBANGKAN DAGANGAN MEREKA, NEGARA-NEGARA INI MALANGNYA TIDAK MENIMBANGKAN LAIN-LAIN NEGARA DI DUNIA.

INI MENYEBABKAN NEGARA-NEGARA SEPERTI MALAYSIA TERPAKSA MEMBAYAR BAGI DAGANGAN YANG TIDAK SEIMBANG ANTARA JEPUN, EROPAH DAN AMERIKA SYARIKAT, KATA BELIAU SEMASA BERUCAP DI PERASMIAH PERSIDANGAN PERSATUAN-PERSATUAN EKONOMI MALAYSIA-JEPUN DAN JEPUN-MALAYSIA (MAJECA-JAMECA) DI SINI.

TETAPI BELIAU BERKATA BAHAWA WALAUPUN DALAM MASA-MASA SUKAR INI, + KITA TIDAK MEMINTA BANTUAN. APA YANG KITA MINTA IALAH PERDAGANGAN YANG ADIL +

BELIAU JUGA MENYALAHKAN BARAT DENGAN PUKULAN EKONOMI YANG IANYA LAKUKAN, TERHADAP HARGA-HARGA BARANGAN YANG LEMBAB SEMASA, KEJATUHAN YANG MANA BELIAU PERCAYA BUKAN SECARA KEBETULAN DAN BUKAN JUGA PUTARAN BIASA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI AMARAN BAHAWA KEGIATAN MEMPERMAIN-MAINKAN MATAWANG TANPA MENGAMBIL KIRA KESAN KE ATAS NEGARA-NEGARA MEMBANGUN AKAN LAMBAT LAUNG MEROSAKKAN DAGANGAN DUNIA.

SELANJUTNYA BELIAU BERKATA, IDE SUSUNAN EKONOMI ANTARABANGSA TELAH DISINGKIRKAN.

BELIAU BERKATA, OLEH KERANA NEGARA-NEGARA TIDAK DIGERAKKAN OLEH KEMURAHAN HATI TETAPI OLEH KEPENTINGAN DIRI, MAKA BELIAU TIDAK AKAN MERAYU UNTUK MENDAPATKAN KEMURAHAN TETAPI UNTUK +KEPENTINGAN DIRI YANG BERPEDOMAN.+ KEKHUATIRAN AKAN HILANG PASARAN YANG BERPOTENSI AKAN MENIMBULKAN KEPENTINGAN SEUMPAMA ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA PASARAN ITU BOLEH KEHILANGAN BUKAN SAHAJA MELALUI KEMISKINAN TETAPI JUGA JIKA, SEMATA-MATA KERANA KEPERLUAN, PASARAN ITU MEMILIH UNTUK +MENGANGGOTAI PUAH LAIN.+

+PASARAN ITU MUNGKIN, SEBELUM MENGUBAH IDEOLOGI, MENJALANI PENGALAMAN YANG HEBAT SEPERTI KEKACAUAN SAUDARA ATAU PERANG SAUDARA. IA MUNGKIN CUMA MERUPAKAN PERUBAHAN KERAJAAN MELALUI UNDI PEMILIHAN KUASA -- PERUBAHAN DARIPADA KERAJAAN YANG BERSAHABAT KEPADA YANG BERNUSUHAN.+ --BE BERNAMA